

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1991/92

Mac/April, 1992

AOP403 - PEMBANGUNAN USAHAWAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja.

1. Bagaimanakah anda akan memilih satu tapak yang sesuai untuk memulakan perniagaan kecil yang telah anda rancang? Melalui bantuan model pembuatan keputusan, jelaskan jawapan anda dengan menggunakan mana-mana contoh perniagaan yang spesifik.

[20 markah]

2. Seorang pengusaha perniagaan kecil bercadang untuk memasarkan produk barunya ke pasaran antarabangsa. Jelaskan hirarki pembolehubah (hierarchy of variables) yang perlu diambil kira dalam membuat keputusan itu. Anda boleh memilih sebarang produk dalam membentuk hirarki yang sesuai.

[20 markah]

3. Takrifkan 'Pelaburan modal'. Berapa pentingkah keputusan pelaburan modal ini kepada pengusaha perniagaan kecil. Apakah kriteria yang boleh dipertimbangkan untuk menilai pelaburan alternatif?

[20 markah]

...2/-

AOP403

4. (a) Terangkan kefahaman anda tentang misi, objektif, strategi dan polisi yang berkaitan dengan perancangan strategik.

[10 markah]

- (b) Bagaimanakah perancangan strategik bagi pengusaha perniagaan kecil berbeza dari perniagaan yang besar?

[10 markah]

5. Apakah faktor-faktor yang perlu diambil kira oleh seorang usahawan dalam menetapkan harga produknya?

Bagaimana faktor-faktor tersebut mempengaruhi proses menetapkan harga bagi jenis perniagaan berikut: pembuatan, perniagaan runcit dan perkhidmatan?

[20 markah]

6. Bagaimana seorang pengusaha perniagaan kecil menentukan jumlah yang akan dibelanjakan untuk pengiklanan? Apakah faktor yang patut dipertimbangkan dalam pemilihan media pengiklanan?

[20 markah]

7. Mengapakah ahli perniagaan lebih berminat untuk membuat perjanjian perkongsian secara bertulis walaupun perjanjian sedemikian tidak perlu dari segi undang-undang. Apakah peruntukan (provision) yang perlu ada dalam perjanjian bertulis ini?

[20 markah]

---ooo000ooo---